



**MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
KEDAH DARUL AMAN**

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** di daerah **Kuala Muda** serta yang masih dibenar membuat kerja-kerja sebutharga adalah dipelawa untuk mendaftar bagi kerja-kerja sebutharga di bawah ini.

BIL.	NO. SEBUTHARGA	PROJEK	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT BERKUMPUL	JAM	TARIKH LAWAT TAPAK
1.	64 / 2017 (KEJ)	Kerja-Kerja Pemasangan Pagar di Memorial Tsunami, Kuala Muda, Kedah Darul Aman	CIDB Gred G1 Kategori B Pengkhususan B04	Hadapan Masjid Kampung Penghulu Him, Taman Seri Negeri	9.30 pagi	14 September 2017 (Khamis)
2.	65 / 2017 (KEJ)	Kerja-Kerja Pemasangan Pagar di Taman Seri Negeri, Sungai Petani, Kedah Darul Aman	CIDB Gred G1 Kategori B Pengkhususan B04	Hadapan Masjid Kampung Penghulu Him, Taman Seri Negeri	9.30 pagi	14 September 2017 (Khamis)

Lawatan tapak adalah **diwajibkan**. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebutharga di atas hendaklah datang sendiri (**wakil tidak dibenarkan**) membawa bersama dokumen asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**.

HARGA DOKUMEN : RM 10.60 SENASKAH (TUNAI)

Dokumen tawaran ini boleh didapati dari **Jabatan Kewangan (Seksyen Perolehan)** mulai **14 September 2017 (Khamis)** pada hari dan waktu seperti di bawah :-

Ahad – Rabu : **8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari**
: **2.15 petang hingga 4.45 petang**
Khamis : **8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari**
: **2.15 petang hingga 3.15 petang**

Kontraktor dikehendaki membawa dokumen asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** serta **satu salinan** semasa membeli dokumen sebutharga.

Tarikh tutup sebutharga ialah pada **21 September 2017 (Khamis)** jam **12.00 tengah hari**. Dokumen tawaran sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri / bermeteri nama tawaran dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga di alamat **Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman**.

Pihak kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali daripada mana-mana tawaran.